



Pelajar UPM membuat persediaan mengadakan sesi motivasi.

Rakan Muda UPM di Jengka 16

Seramai 30 pelajar dan alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) melaksanakan program Kembara Siswa di Sekolah Menengah Kebangsaan Jengka 16 (SMKJ16), Maran, Pahang; baru-baru ini bagi menyuntik semangat yakin boleh dalam kalangan belia tanah rancangan FELDA.

Antara pengisian program tiga hari dua malam itu ialah ceramah motivasi pelajar sarjana, Akmal Aizuddin, bagi menggalakkan pelajar melanjutkan pengajian hingga ke menara gading.

"Mereka juga ada keinginan untuk berjaya sehingga ke menara gading, tetapi disebabkan persepsi bahawa mereka 'hanya anak kampung yang sekadar layak untuk menggantikan ibu bapa mereka sebagai peneroka' telah mengurangkan semangat mereka untuk ber-

jaya.

"Memang agak sukar pada awalnya untuk mengubah persepsi mereka tetapi akhirnya mereka yakin dengan kebolehan masing-masing apabila menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan," katanya.

Penutup program motivasi dirasmikan Guru Penolong Kanan SMKJ16, Darussalam Taib dan diakhiri dengan sesi bergambar beramai-ramai.

Menerusi aktiviti termasuk Rational Emotive Behaviour Therapy, Coaching & Mentoring, Recalling dan Benang Hikmat, keyakinan 150 pelajar sekolah menengah yang menyertai program itu berjaya ditingkatkan bagi menggalakkan mereka menimba ilmu hingga ke peringkat tinggi walaupun bergelar anak peneroka.

FAKTA NOMBOR

30
pelajar

Sertai program
Kembara Siswa



Pelajar UPM yang menjayakan program Kembara Siswa di SMKJ 16, baru-baru ini.